

Ruj. Kami : ANM.PK.D/600-2/5Jld1 (44)
Tarikh : 23 Disember 2021

Semua Ketua Jabatan Persekutuan/ Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan

PERINGATAN MESRA: MAKLUMAN TARIKH AKHIR PROSES DOKUMEN PESANAN KERAJAAN DAN PERAKUAN 2 ARAHAN PEMBAYARAN BAGI BULAN DISEMBER 2021

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan, bagi melancarkan proses Penutupan Akaun Kerajaan Persekutuan Tahun 2021, tarikh akhir proses dokumen **Pesanan Kerajaan** dan Perakuan 2 **Arahan Pembayaran (AP)** melibatkan vot / dana **amanah dan Kumpulan Wang Amanah Covid** adalah seperti berikut:

PROSES DOKUMEN	TARIKH	MASA
Pesanan Kerajaan	28 Disember 2021	12.00 tengah hari
Arahan Pembayaran	30 Disember 2021	2.00 petang

3. Sehubungan dengan itu, semua jabatan dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) perlu mematuhi tarikh dan waktu yang ditetapkan bagi proses Pesanan Kerajaan dan AP. Ketidakpatuhan pada arahan ini akan menyebabkan Pesanan Kerajaan dan AP tidak dapat disempurnakan sehingga ke status 80 dan mengakibatkan pembayaran tidak berjaya dilaksanakan di peringkat PTJ.

4. Oleh yang demikian, selepas dokumen kewangan di atas berstatus 80, semua jabatan dan PTJ adalah diminta untuk menyemak laporan yang berkaitan supaya proses dokumen adalah lengkap dan sempurna (contoh : AP lengkap dengan nombor *Electronic Fund Transfer (EFT)*).

5. Kerjasama daripada YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs.Dr./ Tuan/ Puan dalam mematuhi arahan ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**UNIT PENGURUSAN DANA,
JANM NEGERI PERAK**